

26/06/1999

Punca lewat naik gaji disiasat

SEREMBAN, Jumaat - Kementerian Sumber Manusia akan menyiasat punca kelewatan lima badan berkanun mendapat kenaikan gaji berikutan penyelarasan gaji yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal bulan ini.

Menterinya, Datuk Lim Ah Lek, berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diminta memberitahu punca sebenar kelewatan.

Beliau berkata, Perdana Menteri sendiri pada 4 Jun lalu mengarahkan JPA supaya melaksanakan penyelarasan gaji membabitkan lima badan berkanun terbabit.

Penyelarasan itu membabitkan lebih 10,000 kakitangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Tabung Haji.

Kakitangan agensi terbabit akan mendapat kenaikan gaji antara RM150 hingga RM200 membabitkan perbelanjaan RM92.4 juta.

"Kenaikan gaji dibiayai sendiri agensi terbabit dan bukan secara langsung oleh kerajaan," katanya selepas menyampaikan anugerah biasiswa kepada pelajar Kolej Inti di Nilai dekat sini, hari ini.

Seramai 198 pelajar menerima biasiswa bernilai RM2 juta tahun ini.

Kakitangan badan berkanun terbabit dikatakan merancang mengadakan piket berikutan penangguhan pelaksanaan penyelarasan gaji yang dikebelakangkan kepada Januari 1995.

Lim menasihati kakitangan badan berkanun terbabit tidak berbuat demikian kerana kerajaan, terutama Perdana Menteri adalah peneraju usaha penyelarasan gaji.

"Walaupun penyelarasan gaji bukan bidang kuasa saya tetapi secara peribadi saya akan membawa perkara ini dalam mesyuarat Kabinet. Saya harap mereka tidak meneruskan rancangan berpiket," katanya.

Beliau berkata, semua wakil kakitangan badan berkanun boleh berjumpanya dan beliau sedaya upaya akan cuba membantu.

Sementara itu, katanya kerja menaik taraf 10 Institut Latihan Perindustrian dan pembinaan 10 institut baru di seluruh negara untuk menampung 17,000 pelatih setahun dijangka siap tahun depan.

Menurutnya, kementerian akan menubuhkan tabung pinjaman latihan perindustrian dengan geran permulaan RM500 juta yang dijangka memanfaatkan 132,000 pelatih menjelang 2005.

(END)